

TINJAUAN AWAL: KESEDARAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN WARGA ORGANISASI PENDIDIKAN.

Fazliza Che Amat, Ph.D,¹ Norhana Abu Bakar² & Salmiah Said³

^{1,2,3}Jabatan STEM IPGK Sultan Abdul Halim
fazliza@ipsah.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran Teknologi Hijau dalam kalangan warga organisasi pendidikan. Seramai 186 responden dari pelbagai organisasi pendidikan terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada warga pendidik sebuah universiti awam, sebuah institut pendidikan guru dan sebuah sekolah di Negeri Kedah. Tahap kesedaran Teknologi Hijau diukur menerusi petunjuk tahap pengetahuan dan tahap amalan Teknologi Hijau responden. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik (Google form) menggunakan skala Likert. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sciences (SPSS) versi 22 untuk mendapatkan min dan sisihan piawai pada peringkat deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan adalah sederhana dengan skor min 3.199 (0.336). Manakala tahap amalan adalah sederhana dengan skor min 3.188 (0.399). Analisis inferensi juga dilakukan untuk melihat kewujudan perbezaan tahap pengetahuan dan tahap amalan dari segi faktor jantina, umur dan tahap pendidikan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min tahap pengetahuan dari segi perbezaan jantina dan umur tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perbezaan tahap pendidikan. Manakala bagi skor min tahap amalan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perbezaan jantina, umur dan tahap pendidikan. Kajian ini merumuskan bahawa tahap kesedaran dari aspek pengetahuan dan amalan berada pada tahap sederhana. Justeru, kajian ini menyarankan supaya usaha mempertingkatkan lagi tahap pengetahuan dan kepentingan mengaplikasikan Teknologi Hijau sebagai satu amalan dalam kehidupan seharian perlu diberi perhatian dalam setiap organisasi pendidikan. Budaya amalan hidup lestari yang menekankan aplikasi Teknologi Hijau perlu diterapkan dalam organisasi pendidikan bermula dari peringkat rendah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi.

Kata kunci: *Teknologi Hijau, kesedaran, alam sekitar, kelestarian*